

1249/1  
Sejarah  
Kertas 1  
Ogos  
2011  
1 jam



BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

---

SEJARAH  
Kertas 1  
Satu jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

- 1 Mengapakah wujudnya **sistem barter** pada Zaman Neolitik.?
- A Keupayaan berfikir
  - B Keupayaan meleburkan logam
  - C Keupayaan mewujudkan petempatan kekal
  - D Keupayaan menghasilkan makanan melebihi keperluan
- 2 Makam orang Mesir Purba dipenuhi dengan peralatan dan kelengkapan harian kerana
- A percaya akan kekuasaan firaun
  - B percaya akan kata-kata pendeta
  - C percaya kehidupan selepas mati
  - D percaya kewujudan banyak tuhan
- 3 Apakah sumbangan tamadun Yunani dari segi politik kepada dunia?
- A Prinsip demokrasi
  - B Perancangan negara kota
  - C Penggubalan perlembagaan
  - D Pembentukan jemaah menteri
- 4 Gambar menunjukkan seni bina dalam tamadun Rom.



Seni bina di atas menggambarkan

- A pemujaan dewa
- B penyimpanan patung Dewa
- C pahlawan bertarung
- D pusat pentadbiran

- 5 Apakah bukti kewujudan hubungan perdagangan antara kawasan petempatan awal di Asia Tenggara?
- A Tembikar mengisi air
  - B Manik-manik hiasan
  - C Seni arca Amarawati
  - D Gendang gangsa Dongsong

- 6 Maklumat berikut berkaitan perahu layar abad ke-5 Masihi.

Tinggalan perahu yang dijumpai di Kuala Pontian, Pahang dipamerkan di Muzium Negeri Pahang.

Apakah nilai yang diserapkan kepada generasi kini melalui tinggalan tersebut?

- A Semangat meneroka
  - B Keberanian
  - C Keyakinan diri
  - D Semangat bersaing
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan amalan masyarakat pada zaman Jahiliah?

- Mementingkan suku kaum  
- Mengamalkan sistem berkabilah  
- Mengamalkan hidup berpindah-randah

Apakah kesan daripada amalan di atas?

- A Kerajaan sering bertukar ganti
  - B Kemunculan semangat assabiah
  - C Kelemahan sistem kekeluargaan
  - D Kegiatan ekonomi tidak berkembang
- 8 Strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW sewaktu menerima tentangan daripada Arab Quraisy Makkah ialah
- I baginda meminta orang Islam berhijrah ke Habsyah
  - II sekumpulan orang Islam diarah berhijrah ke Taif
  - III Nabi Muhammad SAW dan para sahabat berhijrah ke Habsyah
  - IV Nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah setelah mendapat keizinan Allah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 9 Peperangan dalam Islam diharuskan bertujuan
- A mengukuhkan kedudukan ekonomi
  - B mempertahankan maruah negara
  - C mempunyai tentera yang ramai
  - D memperluas tanah jajahan
- 10 Mengapakah kebanyakan sahabat Nabi Muhammad SAW tidak dapat menerima isi kandungan Perjanjian Hudaibiyah?
- A Mereka tidak dibenarkan memberi pendapat masing-masing
  - B Mereka tetap mahu menziarahi Kota Makkah pada tahun itu
  - C Perjanjian itu lebih menguntungkan orang Quraisy
  - D Orang Quraisy berjaya memperdayakan Nabi Muhammad SAW
- 11 Senarai berikut berkaitan cara pelantikan khalifah pada zaman Khulafa al-Rasyidin.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>- Baiah</li><li>- Syura</li></ul> |
|---|

Mengapakah proses tersebut dilaksanakan?

- A Memastikan rakyat setempat bersatu-padu
  - B Melibatkan penduduk dalam pelantikan khalifah
  - C Mengelakkan pemusatan kuasa di tangan khalifah
  - D Menjamin pelantikan pentadbir yang berkeelayakan
- 12 Orang Islam setempat yang terus tinggal di kawasan pemerintahan orang Kristian dikenali sebagai
- A Mozarab
  - B Mudejar
  - C Mawali
  - D Muhajirin

- 13 Tokoh berikut memberi sumbangan dalam bidang pendidikan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

- Maulana Abu Bakar
- Maulana Sadar Jahan

Apakah peranan tokoh di atas kepada Sultan Melaka ?

- A Mengajar ilmu Islam
  - B Menasihati pemerintah
  - C Menetapkan istiadat diraja
  - D Mengetuai utusan diplomatik
- 14 Bukti pembabitan orang Melayu dalam bidang kesenian sebelum kedatangan Islam di Tanah Melayu adalah penemuan
- A Batu Bersurat Sungai Tersat
  - B Candi Angkor Wat
  - C Candi di Bukit Pendiati
  - D Rangka kapal di Pontian
- 15 Berikut merupakan mata wang yang digunakan di Tanah Melayu pada abad ke-17

- Ducats
- Lion Dollars
- Rix Dollars

Imperialis manakah yang memperkenalkan mata wang tersebut?

- A Sepanyol
  - B British
  - C Belanda
  - D Portugis
- 16 Mengapakah pihak pemerintah mengenakan cukai terhadap kegiatan perdagangan?
- A Menjadi sebahagian daripada pendapatan kerajaan
  - B Mengelakkan pedagang asing memungut keuntungan berlebihan
  - C Menjaga kepentingan pedagang tempatan
  - D Mengelak terlalu ramai pedagang asing berdagang

- 17 Pengajaran yang diperoleh melalui zaman Renaissance adalah
- A. ketabahan menghadapi dugaan dan cabaran dalam kehidupan
  - B. kekuatan rohani dan fizikal dalam kehidupan
  - C. keberanian untuk meneroka bidang baru
  - D. kekukuhan kewangan

- 18 Dialog berikut berlaku di Eropah pada abad ke-17.

**Tokoh A** : Hasil keluaran kilang kita semakin meningkat.  
**Tokoh B** : Tapi, kita tidak dapat menjual kesemuanya dalam negara.  
**Tokoh C** : Apakah tindakan kita, tuan ?

Apakah tindakan yang diambil oleh tokoh A ?


- A Mencari pasaran
  - B Mencipta kapal wap
  - C Menirikan lebih banyak kilang
  - D Mengadakan hubungan diplomatik
- 19 Jadual di bawah menunjukkan kemerosotan penguasaan pemodal China dalam perlombongan bijih timah pada abad ke-20.

Tahun	Pemodal Eropah	Pemodal China
1930	63%	37%
1935	66%	34%
1937	68%	32%

Mengapakah perkara tersebut berlaku?

- A Pemodal China kekurangan modal
  - B Penggunaan teknologi kapal korek
  - C Berlakunya kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu
  - D Persaingan berlaku dalam bidang perlombongan dan pertanian
- 20 British mengisytiharkan Tanah Simpanan Melayu supaya orang Melayu tidak
- A boleh hidup dengan kaya-raya
  - B bekerjasama dengan pihak British
  - C mencemburui kaum lain
  - D menanam tanaman komersial

21 Berikut adalah tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembinaan Terusan Suez.



Apakah kepentingan Terusan Suez pada abad ke-19?

- A Menjalin hubungan diplomatik
  - B Menjimatkan kos pentadbiran
  - C Menyatukan kuasa-kuasa imperialis
  - D Membuktikan ketinggian teknologi
- 22 Apakah tujuan gerakan nasionalisme di Thailand pada tahap kedua?
- A Menentang penguasaan ekonomi kapitalis Cina dan Barat
  - B Menentang kuasa mutlak raja
  - C Membantah sistem pendidikan Barat
  - D Membantah kelemahan sistem pentadbiran
- 23 Jadual berikut menunjukkan kerajaan yang dibentuk oleh Tok Janggut di Pasir Puteh pada tahun 1913.

Tokoh	Jawatan
Engku Besar Jeram	Raja
Che Ishak	Pegawai Daerah
Tok Janggut	X

Apakah X?

- A Bendahara
- B Setiausaha
- C Menteri Besar
- D Perdana Menteri

24 Senarai berikut merujuk kepada negeri-negeri warisan Kesultanan Melayu Melaka.

- Johor
- Perak
- Pahang

Mengapakah negeri tersebut dianggap sedemikian?

- A Mengamalkan sistem Pembesar Empat Lipatan
- B Mengahwini kerabat diraja
- C Merupakan negeri naungan
- D Mewarisi Adat Papatih


25 Pernyataan berikut adalah berkaitan konsep kedaulatan.

Kedaulatan bagi negara moden ialah kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah terhadap rakyat sesebuah wilayah

Konsep kedaulatan bagi Kesultanan Melayu Melaka adalah merujuk

- A negara bebas daripada campur tangan kuasa asing
- B negeri atau kawasan pemerintahan diperintah oleh raja
- C melambangkan ketaatan rakyat kepada raja
- D menjadi simbol keagungan sesebuah kerajaan

26 Rajah di bawah menerangkan sistem pemerintahan di Kelantan



Penubuhan Jemaah Menteri oleh Sultan Muhammad II menunjukkan

- A Kelantan mempelopori sistem pemerintahan demokrasi
- B Kelantan mempunyai pentadbiran yang mantap
- C kewibawaan pemerintahan sultan
- D kecekapan pentadbiran sultan

27 Sir Harold Mac Michael telah mendapatkan tandatangan daripada Raja-raja Melayu untuk menerima penubuhan Malayan Union.

Apakah reaksi serta-merta orang Melayu terhadap tindakan beliau?

- A Penubuhan UMNO
- B Orang Melayu mengadakan demonstrasi
- C Pemimpin Melayu berkumpul di Kuala Kangsar
- D Orang Melayu mengadakan mogok



28 Mengapakah surat di bawah dikeluarkan oleh pihak British kepada rakyat Sarawak?

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Pekeliling Bil. 9</li> <li>• 338 orang kakitangan awam meletak jawatan</li> </ul> |
|--|

- A Penjajahan tentera Jepun di Sarawak
- B Penguasaan Keluarga Brooke di Sarawak
- C Penentangan penduduk Sarawak terhadap Keluarga Brooke
- D Penentangan penduduk Sarawak terhadap penyerahan Sarawak

29 Mengapakah penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum (CLC) merupakan titik permulaan kerjasama kaum di Tanah Melayu?

- A Kesanggupan UMNO untuk berunding dengan kaum lain demi masa depan negara
- B Persetujuan UMNO untuk membuka keahlian kepada orang bukan Melayu
- C Persetujuan British untuk memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu
- D Kerjasama UMNO, MCA dan MIC membentuk Parti Perikatan

30. Senarai di bawah merupakan tokoh kemerdekaan negara.

- |   |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• H.S. Lee</li> <li>• Tunku Abdul Rahman</li> <li>• Tun V. T Sambanthan</li> </ul> |
|---|

Apakah keistimewaan cara tokoh-tokoh di atas mencapai kemerdekaan negara?

- A Revolusi
- B Rundingan
- C Peperangan
- D Penentangan

31 Rajah di bawah merupakan peristiwa penting dalam sejarah pembentukan Malaysia.


Tahun	1966
Tempat	Bangkok
Peristiwa	<b>Rundingan Malaysia – Indonesia</b> <i>Wakil Malaysia : Dato' Abdul Razak Hussein</i> <i>Wakil Indonesia : En. Adam Malik</i>

Apakah tujuan rundingan di atas diadakan ?

- A Menamatkan konfrontasi
- B Membanteras ancaman komunis
- C Menggalakkan pertukaran budaya
- D Meningkatkan kerjasama ekonomi

32 Apakah cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Cobbold untuk menarik penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia?

- I Menjamin kedudukan pribumi.
  - II Menentukan dasar imigresen
  - III Menyegerakan kemerdekaan.
  - IV Memajukan ekonomi penduduk
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



33 Berdasarkan maklumat di atas, X ialah

- A akta
- B ordinan
- C perlembagaan
- D undang-undang

34 Rajah di bawah berkaitan dengan Perlembagaan Malaysia.

X bertindak membakar Jalur Gemilang dalam satu perhimpunan

Berdasarkan Perkara 25, Perlembagaan Malaysia. X boleh

- A dibuang negeri
- B dihukum penjara
- C dikenakan denda
- D dilucutkan kerakyataan

- 35 Apakah fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya ?
- I Mengendalikan kawasan pilihan raya
  - II Menentukan calon-calon pilihan raya
  - III Mengendalikan pendaftaran pemilih
  - IV Menentukan sempadan bahagian-bahagian pilihan raya
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 36 Tokoh di bawah telah memperkerusikan Jawatankuasa Pelajaran pada tahun 1955.



Beliau mencadangkan sistem

- A perguruan dan pengajaran yang sama
- B persekolahan dan peperiksaan yang sama
- C persekolahan dan kurikulum yang sama
- D perguruan dan bahasa pengantar yang sama

- 37 Logo di bawah merupakan logo temasya Sukan Malaysia.



Apakah yang dapat dikaitkan dengan temasya sukan di atas?

- A Diadakan tiga tahun sekali
  - B Diadakan di Stadium Merdeka
  - C Melibatkan penyertaan kaum tertentu
  - D Mengeratkan perpaduan antara kaum dan negeri
- 38 Apakah kesan Perang Dunia Kedua terhadap tanah jajahan barat?
- A Memberi peluang menjajah semula
  - B Menanggung perbelanjaan peperangan
  - C Mencapai kemerdekaan daripada penjajah
  - D Menghadapi peperangan sesama sendiri
- 39 Mengapakah MAPHILINDO ditubuhkan ditubuhkan pada tahun 1963?
- A Menentang penjajahan
  - B Mengeratkan hubungan antara negara
  - C Menyelesaikan pertelingkahan antara negara anggota
  - D Melindungi negara Malaysia yang baru ditubuhkan
- 40 K-ekonomi merupakan ekonomi berlandaskan pengetahuan. Apakah sumber paling berharga dalam menjayakannya?
- A Teknologi
  - B Modal intelektual
  - C Pasaran dalam negara
  - D Kemudahan prasarana

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1249/2  
Sejarah  
Kertas 2  
Ogos  
2011  
2 ½ jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

**SEJARAH**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	


Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

**Bahagian A**

[40 markah]

Jawab semua soalan.

1 Peta menunjukkan lokasi Tamadun Indus.



(a) Namakan dua bandar terancang dalam tamadun Indus.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Apakah keistimewaan bandar tersebut?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(c) Bagaimanakah masyarakat Indus berjaya membina bandar terancang?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(d) Pada pendapat anda, bagaimanakah mengekalkan kebersihan dan keceriaan bandar?


(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

[Lihat Halaman Sebelah  
SULIT

2 Garis masa menunjukkan peringkat Zaman Pertengahan di Eropah.



(a) Apakah maksud Zaman Gelap ?

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

(b) Berikan **tiga** ciri Zaman Gelap di Eropah.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) ..... [3 markah]

(c) Nyatakan persamaan antara sistem feudalisme di Eropah dengan masyarakat Melayu tradisional.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) ..... [3 markah]

(d) Nyatakan nilai kehidupan yang boleh anda pelajari daripada sejarah Zaman Gelap di Eropah.

- (i) .....
- (ii) ..... [2 markah]

3 Akhbar yang diterbitkan pada tahun 1930-an memainkan peranan penting dalam melahirkan semangat kebangsaan dalam kalangan orang Melayu.

(a) Namakan **dua** akhbar tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Nyatakan **tujuan** isu-isu tersebut dibangkitkan?

(i) .....

[1 markah]

(c) Apakah **saranan** akhbar tersebut untuk memajukan pendidikan?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Jelaskan persoalan politik yang telah diutarakan melalui akhbar tersebut?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

(e) Andaikan anda seorang penulis cadangkan tema penulisan yang dapat menaikkan imej negara kita.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]



4 Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan keluhuran perlembagaan?

.....  
[1 markah]

(b) Senaraikan **dua** kepentingan perlembagaan?

(i) .....

(ii) .....  
[2 markah]

(c) Bagaimanakah pindaan terhadap perubahan sempadan negeri dan kawarganegaraan dilakukan?

(i) .....

(ii) .....  
[2 markah]

(d) Beri **tiga** tujuan pindaan perlembagaan?

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....  
[3 markah]

(e) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi sekiranya sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan?

(i) .....

(ii) .....  
[2 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja.*


5 Piagam Madinah atau Sahifah Madinah 622M merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang telah dirangka oleh Nabi Muhammad SAW berdasarkan wahyu Allah.

(a) Terangkan kandungan Piagam Madinah. [8 markah]

(b) Jelaskan kepentingan Piagam Madinah kepada keharmonian masyarakat Islam Madinah. [8 markah]

(c) Apakah iktibar yang boleh dicontohi daripada sikap masyarakat Madinah? [4 markah]

6



(a) Apakah faktor yang mendorong buruh Cina dan India ke Tanah Melayu sejak abad ke - 19 hingga awal abad ke-20 ? [8 markah]

(b) Terangkan cara kemasukan buruh Cina dan India ke Tanah Melayu pada abad ke – 19. [8 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah kepelbagaian budaya dan latar belakang setiap kaum dapat disepadukan di negara ini? [5 markah]

- 7 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan pihak British pada 15 Ogos 1957.
- (a) Nyatakan isu penting yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid dalam membentuk perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. [5 markah]
- (b) Jelaskan isi-isi penting perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957. [10 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kelebihan negara persekutuan? [5 markah]

8

“Sebagai satu bangsa, Malaya hari ini sedar bahawa Malaya tidak dapat berdiri sendiri dan hidup bersendirian. Lambat-laun Malaya akan dapat mencari persefahaman dengan British dan dengan rakyat di Wilayah Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak”

**Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj**

- (a) Terangkan faktor ekonomi dan sosial ke arah pembentukan Malaysia 1963. [8 markah]
- (b) Jelaskan reaksi negara luar berikutan cadangan tersebut.
- (i) Indonesia [4 markah]
- (ii) Filipina [4 markah]
- (c) Pada pandangan anda, bagaimanakah generasi muda kini dapat mempertahankan kedaulatan Malaysia . [4 markah ]

9 Perang Dunia Pertama telah meninggalkan kesan yang besar kepada sejarah dunia.

- (a) Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Pertama. [6 markah]
- (b) Huraikan kesan-kesan Perang Dunia Pertama. [8 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah keburukan peperangan kepada peradaban dunia ? [6 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT



**BAHAGIAN PENGURUSAN**  
**SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

---

**SEJARAH**

Kertas 1

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 2 halaman bercetak

**PERATURAN PEMARKAHAN  
SEJARAH KERTAS 1 (1249/1)**

<b>NO.SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>MS BUKU TEKS</b>
1	D	3
2	B	20
3	A	43
4	C	59
5	D	73
6	A	80
7	B	101
8	A	113
9	B	130
10	C	133
11	D	143
12	B	166
13	A	202
14	C	205/206
15	C	210
16	A	211
17	C	220
18	A	237
19	B	250/252
20	D	260
21	B	6
22	A	23
23	D	41
24	A	80
25	B	76
26	B	82
27	B	100
28	D	111
29	A	120
30	B	131
31	A	147
32	D	150
33	C	162
34	D	164
35	D	177
36	C	213
37	D	218
38	C	234
39	C	254
40	B	262

**Pilihan A = 10 soalan Pilihan B = 11 soalan Pilihan C = 9 soalan Pilihan D = 10 soalan  
PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**SULIT**  
**1249/2 (PP)**  
**Sejarah**  
**Kertas 2**  
**Peraturan**  
**Pemarkahan**  
**Ogos**  
**2011**

**1249/2(PP)**



**SEKOLAH BERASRAMA PENUH**  
**BAHAGIAN PENGURUSAN**  
**SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KLUSTER**  
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011**

---

---

**SEJARAH**

Kertas 2

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

---

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 19 halaman bercetak

Soalan	Butiran	Markah
1(a)	<p><b>Namakan dua bandar terancang dalam tamadun Indus?</b></p> <p>F1 Mohenjo- Daro F2 Harappa</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2M]</b></p>
1(b)	<p><b>Apakah keistimewaan bandar tersebut?</b></p> <p>F1 Terbahagi kepada dua bahagian F2 Dikelilingi oleh tembok F3 Bahagian utama F4 Merupakan pusat pentadbiran F5 Keagamaan F6 Tempat mandi awam digunakan untuk upacara ritual dan pembersihan F7 Bahagian kedua bandar F8 Kawasan perumahan F9 Disusun berasaskan blok berbentuk segi empat F10 Susun aturnya sistematik F11 Setiap blok dipisahkan oleh satu rangkaian jalanraya yang lurus F12 Bersambung antara satu sama lain F14 Mempunyai sistem kumbahan yang terancang</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[3M]</b></p>
1(c)	<p><b>Bagaimanakah masyarakat Indus berjaya membina bandar terancang?</b></p> <p>F1 Pengetahuan yang tinggi dalam ilmu geometri. F2 Pemahaman dalam ilmu kesenian. F3 Pemahaman dalam ilmu matematik. F4 Mahir dalam bidang pembinaan F5 Pengetahuan yang diperolehi hasil hubungan antara tamadun Indus dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir F6 Teknologi pembuatan batu bata daripada tanah liat</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[3M]</b></p>
1(d)	<p><b>Pada pendapat anda, bagaimanakah anda mengekalkan kebersihan dan keceriaan bandar?</b></p> <p>F1 Kempen Cintai Kebersihan Bandar F2 Slogan “ Negara Bersih Rakyat Sihat F3 Bergotong-royong F4 Hukuman/denda/pelaksanaan undang-undang kepada sesiapa yang membuang sampah F5 Program Kitar semula</p> <p style="text-align: center;"><b>(Mana-mana jawapan munasabah)</b></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2M]</b></p>



2(a)	<p><b>Apakah maksud Zaman Gelap ?</b></p> <p>F1 Merupakan peringkat awal Zaman Pertengahan di Eropah  F2 Wujud selepas keruntuhan empayar Rom Barat  F3 Kemosototan dalam bidang ilmu pengetahuan , perdagangan dan perbandaran  F4 Tiada pentadbiran pusat yang berkesan  F5 Kehidupan masyarakat dikongkong oleh gereja  F6 Masyarakat tidak menghargai ilmu pengetahuan</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[1M]</b></p>
2(b)	<p><b>Berikan tiga ciri Zaman Gelap di Eropah.</b></p> <p>F1 Kelembapan perkembangan ilmu pengetahuan  F2 Perdagangan tidak berkembang  F3 Kegiatan ekonomi terhad  F4 Golongan petani bergantung hidup kepada golongan tuan tanah(baron)  F5 Golongan gereja merupakan golongan yang sangat berpengaruh  F6 Keadaan politik tidak stabil  F7 Tiada kerajaan pusat yang berkesan</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[ 3M]</b></p>
2(c)	<p><b>Nyatakan persamaan antara system feudalisme di Eropah dengan masyarakat Melayu tradisional.?</b></p> <p>F1 Wujudnya golongan pemerintah(raja,pembesar) dan golongan diperintah (rakyat , hamba)  F2 Golongan raja adalah penaung utama negara  F3 Golongan raja memiliki tanah secara mutlak.  F4 Raja memiliki pembesar-pembesar  F5 Golongan pembesar dinaungi oleh pihak istana  F6 Golongan pembesar memberikan khidmat kepada pihak raja  F7 Golongan rakyat akan memberi khidmat kepada golongan tuan tanah  F8 Tuan tanah terdiri daripada golongan pembesar/ golongan raja  F9 Golongan tuan tanah/raja akan memberi perlindungan kepada rakyat  F10 Rakyat perlu membayar cukai kepada raja sebagai sumber pendapatan.</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[3M]</b></p>
2(d)	<p><b>Nyatakan nilai kehidupan yang boleh anda pelajari dari sejarah Zaman Gelap di Eropah?</b></p> <p>F1 Ilmu pengetahuan sangat penting dalam kehidupan  F2 Tanpa ilmu, kehidupan masyarakat akan mundur  F3 Mentaati pemerintah  F4 Hubungan baik antara rakyat dan pemerintah akan mengukuhkan negara</p> <p style="text-align: right;">[.Mana-mana jawapan yang munasabah]  Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2M]</b></p>

Soalan	Butiran	Markah
3(a)	<p><b>Namakan dua akhbar tersebut?</b></p> <p>F1 Warta Malaya  F2 Lembaga Malaya  F3 Majlis  F4 Utusan Melayu  F5 Warta Negara  F6 Fajar Sarawak</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2M]</b></p>
3(b)	<p><b>Nyatakan tujuan isu-isu tersebut dibangkitkan?</b></p> <p>F1 Menyedarkan bangsa Melayu  F2 Memajukan bangsa Melayu</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 1 x 1 m</p>	<p>1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[1 M]</b></p>
3(c)	<p><b>Apakah saranan akhbar untuk memajukan pendidikan?</b></p> <p>F1 Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu  F2 Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan  F3 Menyeru orang melayu untuk meninggalkan sikap negatif  H3a Memilih kerja  H3b Tidak mahu bekerja  F4 Menggalakkan tabungan dalam kalangan orang Melayu  H4a Untuk pendidikan anak-anak  F5 Mementingkan kemahiran tradisional  H5a Pertukangan dan kerja tangan  F6 Mementingkan pendidikan Bahasa Inggeris  F7 Taraf sekolah Melayu dibaiki dengan nilai ekonomi  F8 Memartabatkan Bahasa Melayu  H8a Bahasa rasmi dalam pentadbiran British  F9 Orang Melayu tidak meninggalkan pendidikan Islam  F10 Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p style="text-align: right;"><b>[2M]</b></p>

3(d)	<p><b>Jelaskan persoalan politik yang telah diutarakan melalui akhbar tersebut?</b></p> <p>F1 Mengkritik British 1  H1a Mengurangkan kuasa raja-raja Melayu 1  F2 Mengkritik pembesar 1  F3 Mengkritik Raja-raja Melayu 1  H3a Tidak melaksanakan kepimpinan yang sewajarnya untuk rakyat 1  F4 Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan 1  F5 Menuntut diadakan Malay Administrative Service (M.A.S) 1  H5a Melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan 1  F6 Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu supaya bersatu dalam pertubuhan kebangsaan. 1  F7 Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan 1</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x 1 m</p>	<b>[3 M]</b>
3(e)	<p><b>Andaikan anda seorang penulis cadangkan tema penulisan yang dapat menaikkan imej negara kita.</b></p> <p>F1 Perpaduan/Integrasi Nasional 1  F2 Satu Malaysia 1  F3 Kemakmuran Malaysia 1  F4 Keistimewaan Malaysia 1  F5 Kejayaan Malaysia 1  F6 Malaysia Boleh 1  F7 Malaysia Gemilang 1  F8 Malaysia Kebanggaan Kita  F9 Patriotik  F10 Keindahan Malaysia</p> <p style="text-align: center;"><b>(Mana-mana jawapan munasabah)</b></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<b>[2 M]</b>

Soalan	Butiran	Markah
4(a)	<p><b>Apakah yang dimaksudkan dengan keluhuran perlembagaan?</b></p> <p>F1 Keagungan  F2 Ketertinggian undang-undang  F3 Mengatasi Yang di-Pertuan Agong/Parlimen/ Jemaah Menteri/ Mahkamah  F4 Undang-undang yang bercanggah dengan perlembagaan tidak sah</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 1 x 1 m</p>	<p style="text-align: center;">1 1 1 [ 1 M ]</p>
4(b)	<p><b>Senaraikan dua kepentingan perlembagaan?</b></p> <p>F1 Menjamin kestabilan Negara  F2 Menjamin kecekapan dan kelicinan pentadbiran Negara  F3 Menjadi panduan semasa memerintah  F4 Menjamin taat setia  F5 Hak asasi dan kebebasan rakyat  F6 Menjamin hak istimewa serta kedudukan orang Melayu/Bumiputera  F7 Pembahagian kuasa antara Kerajaan persekutuan dan Kerajaan negeri  F8 Perlembagaan Negeri tidak boleh bercanggah dengan perlembagaan</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p style="text-align: center;">1 1 1 1 1 1 1 1 [ 2 M ]</p>
4(c)	<p><b>Bagaimanakah pindaan terhadap perubahan sempadan negeri dan kawarganegaraan dibuat?</b></p> <p>F1 Kaedah pertama  H1a Persetujuan majoriti lebih suara dua tiga bewan parlimen  H1b Persetujuan Majlis Raja-raja</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p style="text-align: center;">1 1 1 [ 2 M ]</p>
4(d)	<p><b>Beri tiga tujuan pindaan perlembagaan?</b></p> <p>F1 Melindungi kepentingan rakyat  F2 Menjaga keselamatan negara  F3 Melicinkan urusan pentadbiran Negara  F4 Releven dan sesuai dengan keadaan semasa  F5 Kandungan munasabah untuk dipatuhi oleh rakyat</p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3 x 1 m</p>	<p style="text-align: center;">1 1 1 1 1 [ 3 M ]</p>

4(e)	<p><b>Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi sekiranya sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan?</b></p> <p>F1 Negara akan kucar-kacir F2 Pentadbiran tidak mantap F3 Berlaku rusuhan kaum F4 Tiada kesetabilan politik F5 Ekonomi yang tidak mantap F6 Tidak dapat membina pembentukan Negara bangsa</p> <p>( mana-mana munasabah)</p> <p>Mana-mana 2 x 1 m</p>	<p>1 1 1 1 1 1</p> <p>[2 M ]</p>
------	--	--

No.	Huraian	Markah
5 a)	<b>Huraikan kandungan Piagam Madinah.</b>	
	F1 Mengandungi 47 fasal.	1
	H1a 23 fasal membincangkan hubungan dalam kalangan orang Islam/ berkaitan orang Islam	1
	H1b Tanggungjawab mereka terhadap negara Madinah	1
	H1c 24 fasal berkaitan/ tanggungjawab orang bukan Islam	1
	H1d Termasuk tanggungjawab orang Yahudi terhadap negara Madinah	1
	F2 Peranan Nabi Muhammad sebagai pemimpin kerajaan Madinah	1
	H2a Madinah mempunyai penduduk berbilang kaum, agama dan budaya.	1
	F3 Nabi Muhammad SAW selaku Ketua Hakim	1
	H3a Menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Madinah.	1
	H3b Berasaskan semangat musyawarah.	1
	H3c Berlandaskan keadilan.	1
	F4 Masyarakat Madinah bebas memilih agama masing-masing	1
	H4a Setiap individu bebas mestilah menghormati agama yang dianuti individu yang lain.	1
	H4b Sikap buruk sangka dari segi agama dilarang sama sekali	1
	H4c Nabi Muhammad SAW tidak memaksa bukan Islam memeluk Islam	1
	H4d Orang Yahudi bebas mengamalkan adat mereka selagi tidak bertentangan dengan Islam.	1
	F5 Masyarakat Madinah dianggap sebagai satu ummah	1
	H5a Hidup bersatu-padu/ tolong menolong/ dan berkerjasama tanpa mengira bangsa.	1
	F6 Membuang perasaan benci-membenci dan mementingkan diri dielakkan	1
	H6a Mengelakkan mementing diri	1
	H6b Masyarakat Madinah tidak boleh bermusuhan sesama sendiri	1
	F7 Undang-undang Islam diguna pakai secara menyeluruh	1
	H7a Peraturan kekeluargaan dalam kabilah yang bersesuaian boleh diamalkan	1
	H7b selagi tidak bertentangan dengan Islam	
	F8 Masyarakat Madinah dituntut bekerjasama memajukan ekonomi	
	H8a Tiada diskriminasi untuk memperoleh peluang ekonomi	
	H8b Islam melarang riba	
	H8c Melarang penindasan	

	F9 Semua masyarakat Madinah wajib mempertahankan Madinah	1
	H9a Bersama-sama menghadapi ancaman luar	1
	F10 Mengakui kedudukan Yahudi sebagai rakyat Madinah	1
	H10a Mereka mempunyai hak yang sama rata	1
	H10b menikmati keselamatan dan kebebasan	
	H10c Kedudukan mereka terjamin dan selamat	1
	H10d selagi mematuhi peraturan Perlembagaan Madinah	1
	[8 X 1 m]	1
		1
		1
		[8 m]
b)	<b>Jelaskan kepentingan Piagam Madinah kepada masyarakat Islam Madinah.</b>	
	F1 Model kerajaan Islam yang unggul.	1
	H1a Panduan menjalankan pemerintahan berasaskan Islam	1
	H1b Dilengkapi perlembagaan yang dapat diterima pakai oleh semua golongan masyarakat.	1
	H1c Undang-undang Islam boleh dipraktikkan dalam sesebuah negara yang berbilang bangsa dan agama.	1
		1
	F2 Mengatur sebuah pemerintahan yang lengkap	1
	H2a Merangkumi peraturan dunia dan akhirat	1
	F3 Dari segi ekonomi,	
	H3a amalan riba/ rasuah/ penindasan tidak dibenarkan.	1
	H3b Sifat bertimbang rasa dan amalan bersedekah digalakkan	1
	H3c Mementingkan ketelusan dan keadilan dalam perniagaan	1
	H3d Ekonomi kerajaan Islam di Madinah telah meningkat.	1
	F4 Berjaya membentuk masyarakat baharu berasaskan ummah	
	H4a hidup bersatu padu dan aman.	1
	H4b Berasaskan nilai ukhuwah Islamiah	1
	H4c Taraf dan kedudukan rakyat adalah sama/ konsep keadilan sosial.	1
	F5 Menekankan persamaan hak	1
	H5a Mementingkan persaudaraan Islam.	
	H5b Memupuk semangat perpaduan	1
	H5c Membantu	
	H5d Rela berkorban.	1
	F6 Pelbagai keturunan/ budaya/ agama dapat mendiami sebuah negara	1
	H6a Mempunyai undang-undang yang lengkap dan sempurna	1
	H6b Mempunyai Syariah Islam yang adil	1
	F7 Cara Nabi Muhammad SAW mendirikan sebuah kerajaan	1
	H7a Menyusun perlembagaan negara dahulu	1

	H7b Mengasaskan sebuah kerajaan.	1
	H7c Mengikat masyarakat Madinah dengan perjanjian yang lengkap	1
	H7d Sistem pemerintahan yang meletakkan Allah sebagai kuasa yang tertinggi.	1
	F8 Berjaya menyusun kehidupan masyarakat yang sistematik	1
	H8a Semua kaum terikat dengan undang-undang	1
	H8b Semua bangsa ada hak dalam negara Madinah	1
	H8c Mereka harus mematuhi peraturan	1
	H8d Mempunyai cara hidup yang menjadi panduan masyarakat.	1
	F9 Bertanggungjawab mempertahankan keselamatan negara Madinah daripada serangan luar.	1
	F10 Madinah menjadi kuat	[8 m]
	H10a Disegani oleh negara luar	
	[8 X 1 m]	
c)	<b>Apakah iktibar yang boleh rakyat Malaysia contohi daripada sikap masyarakat Madinah yang mementingkan perpaduan?</b>	
	F1 Mengenepikan perbezaan bangsa dan agama	1
	F2 Mengelakkan perbalahan semasa sendiri	1
	F3 Mematuhi undang-undang	1
	F4 Taat kepada ketua	1
	F5 Mementingkan persaudaraan	1
	F6 Menjaga keamanan	1
	F7 Mengamalkan sikap bekerjasama	1
	F8 Bertolak ansur	1
	F9 Mematuhi ajaran agama	1
	F10 Sanggup berkorban	1
	[Mana-mana jawapan munasabah]	
	[4 X 1 m]	[8 m]



Soalan	Butiran	Markah
6(a)	<p><b>Nyatakan faktor-faktor yang mendorong buruh Cina dan India ke Tanah Melayu sejak awal abad ke-19 hingga awal abad ke-20 ?</b></p> <p>F1 Kepesatan sektor pertanian komersil F2 Kepesatan sektor perlombongan F3 Keperluan tenaga buruh di Tanah Melayu. F4 Galakan daripada pihak British F5 Buruh India dibawa masuk untuk bekerja di ladang getah F6 Buruh Cina dibawa untuk bekerja di lombong bijih timah F7 Faktor-faktor negara asal menjadi pendorong ke Tanah Melayu F8 Kedatangan buruh Cina dan India tidak dihalang oleh orang Melayu F9 Wujudnya hubungan tradisi antara India dan China dengan Tanah Melayu. F10 Kemakmuran Tanah Melayu F11 Perusahaan getah/bijih timah pesat membangun F12 Peluang pekerjaan yang banyak F13 Kestabilan politik di Tanah Melayu</p> <p style="text-align: right;">Maksimum</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[8 m]</p>
6(b)	<p><b>Cara kemasukan buruh Cina</b></p> <p><b>F1 Sistem Tiket Kredit</b> H1a bakal imigran dikumpul oleh Kheh –tau (ketua) H1b Imigran (sinkheh) diawasi oleh nakhoda kapal atau agensi buruh H1c Agensi buruh telah menerima bayaran daripada bakal majikan H1d Golongan Sin Kheh membuat perjanjian akan menjelaskan hutang secara bekerja dengan majikan dalam tempoh tertentu H1e Mereka dibekalkan dengan tiket ke pelabuhan yang dituju H1f Apabila tiba di pelabuhan, mereka diambil oleh pemborong buruh H1g Pemborong buruh akan mendapatkan majikan untuk imigran.</p> <p><b>F2 Sistem Pengambilan kakitangan</b> H2a Majikan menghantar wakilnya ke China untuk mendapatkan buruh. H2b Perbelanjaan dan tambang buruh dibiayai oleh majikan H2c Pegawai yang dihantar mengiringi buruh hingga tempat majikan.</p> <p><b>F3 Sistem Pengambilan Rumah Kongsi</b> H3a Pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di Negara China. H3b Pegawai ini dilantik oleh sesebuah rumah kongsi H3c Perbelanjaan dibiayai oleh pegawai sehingga sampai di rumah kongsi H3d Buruh akan diserahkan kepada tuan punya rumah kongsi</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1</p>

	<p><b>Cara kemasukan Buruh India</b></p> <p><b>F4 Sistem Buruh Bebas</b>  H4a Buruh India datang sendiri dengan biayaan masing-masing 1  H4b Kedatangan mereka diaturkan oleh orang/kumpulan tertentu 1  H4c Mereka bebas memilih tempat dan jenis pekerjaan 1  1</p> <p><b>F5 Sistem Kontrak</b>  H5a Tambang ke Tanah Melayu dibiayai oleh majikan 1  H5b Buruh bekerja dengan majikan dalam jangka masa tertentu. 1  H5c Antara 1 hingga 3 tahun 1  H5d Mereka dibayar dengan bayaran minimum 1  H5e Antara 4 hingga 13 sen sehari 1  H5f Sering berlaku pemerasan/penindasan 1  H5g Disifatkan sebagai satu bentuk perhambaan 1  1</p> <p><b>F6 Sistem Kangani</b>  H6a Kangani diberi lesen untuk mendapatkan buruh di India  H6b Kangani dihantar pulang ke India untuk mencari buruh 1  H6c Kangani diberi wang pendahuluan untuk membiayai perbelanjaan buruh ke Tanah Melayu. 1  1  H6d Seseorang kangani dijadikan agensi yang membawa masuk pekerja asing. 1  Maksimum</p>	<p>[8m]</p>
6(c)	<p><b>Bagaimana kepelbagaian budaya dapat disepadukan di Negara ini.</b></p> <p>F1 Melalui dasar pendidikan Negara 1  F2 Melalui kempen 1 Malaysia 1  F3 Melalui aktiviti sukan 1  F4 Melalui program/aktiviti di sekolah 1  F5 Melalui aktiviti kokurikulum 1  F6 Sambutan perayaan semua kaum 1  1  (mana-mana munasabah)</p> <p>Maksimum</p>	<p>[4 m]</p>

No.	Huraian	Markah
7 a)	<b>Nyatakan isu penting yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid dalam membentuk perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.</b>	
F1	Pembentukan sebuah kerajaan persekutuan yang kuat	1
F2	Pemberian kuasa autonomi kepada negeri	1
F3	Isu kedudukan Raja-raja Melayu	1
F4	Hak istimewa orang Melayu	1
F5	Pewujudan satu bangsa Pesekutuan Tanah Melayu	1
F6	Kerakyatan Jus Soli	1
F7	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu	1
F8	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
	[5 X 1 m]	[5 m]

No.	Huraian	Markah
7 b)	<b>Jelaskan isi-isi penting perjanjian Pesekutuan Persekutuan Tanah Melayu 1957.</b>	
F1	Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan.	1
F2	Pemisahan kuasa persekutuan dengan kuasa negeri	1
H2a	Diwujudkan Senarai Persekutuan	1
H2b	Diwujudkan Senarai Negeri	1
H2c	Pada peringkat negeri dan negara	1
F3	Institusi Raja dijadikan Raja Berpelembagaan	
H3a	Pada peringkat negeri dan negara	1
F4	Tiga jenis kerakyatan diwujudkan	1
H4a	Secara Kuat Kuasa Undang-undang	1
H4b	Secara Permohonan	1
H4c	Secara Naturalisasi	1
H4d	Penerimaan Prinsip <i>Jus Soli</i>	1
F5	Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan	1
F6	Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan	1
F7	Tanah Simpanan Melayu dikekalkan	1

No.	Huraian	Markah
F8	Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
F9	Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Negara	1
F10	Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen	1
H10a	Dewan Rakyat	1
H10b	Dewan Negara	
H10c	Terletak bawah kuasa Parlimen	1
F11	Pada peringkat negeri, Menteri Besar menjadi pelaksana pentadbiran	1
H11a	Dibantu oleh Dewan Undangan Negeri	1
H11b	Dibantu oleh EXCO	
	[10 X 1 m]	[10 m]

No.	Huraian	Markah
7 c)	<b>Berdasarkan pandangan anda, apakah kelebihan negara persekutuan?</b>	
F1	Kestabilan politik	1
F2	Tiada pemusatan kuasa	1
F3	Raja sebagai ketua negara	1
F4	Pertahanan menjadi lebih kukuh	1
F5	Perkongsian ekonomi yang sama rata	1
F6	Saling membantu dalam meningkatkan ekonomi	1
F7	Perpaduan yang utuh dalam kalangan rakyat	1
F8	Keseimbangan kaum	1
	[Mana-mana jawapan munasabah]	
	[5 X 1 m]	[5 m]

Soalan	Butiran	Markah
8(a)	<p><b>Terangkan faktor ekonomi dan sosial ke arah pembentukan Malaysia 1963</b></p> <p><b>Faktor ekonomi</b></p> <p>F1 Mewujudkan pasaran yang luas 1</p> <p>F2 Menggalakkan pelaburan 1</p> <p>F3 Menggalakkan perkembangan industri pertanian 1</p> <p>F4 Mewujudkan kerjasama serantau dalam bidang ekonomi 1</p> <p>F5 Memanfaatkan keistimewaan sumber yang ada di negeri-negeri 1</p> <p>F6 Tanah Melayu kaya dengan getah/bijih timah 1</p> <p>F7 Sarawak dan Sabah mempunyai sumber balak 1</p> <p>F8 Brunei kaya dengan sumber minyak 1</p> <p><b>Faktor Sosial</b></p> <p>F9 Mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum 1</p> <p>F10 Kesepakatan dan semangat setiakawan antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Sarawak, Sabah dan Singapura. 1</p> <p style="text-align: right;">Maksimum</p>	<p style="text-align: right;">[8 m]</p>
8(b)	<p><b>Reaksi negara luar berikutan cadangan tersebut</b></p> <p><b>Reaksi Indonesia</b></p> <p>F1 Membantah pembentukan Malaysia 1</p> <p>H1a Penentangan bermula pada akhir tahun 1962 1</p> <p>H1b Berpendapat pembentukan Malaysia merupakan satu bentuk penjajahan/neokolonialisme 1</p> <p>H1c pembentukan Malaysia mengancam Indonesia 1</p> <p>F2 Pandangan disuarakan oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) 1</p> <p>H2a PKI mempengaruhi Presiden Sukarno 1</p> <p>F3 Mengisytiharkan Dasar Konfrantasi</p> <p>H3a Presiden Sukarno mengumumkan “Ganyang Malaysia” 1</p> <p>H3b Menyerang kapal-kapal nelayan Tanah Melayu 1</p> <p>H3c Menceroboh ruang udara Malaysia 1</p> <p>H3d Melancarkan serangan terhadap Malaysia melalui Johor, Sarawak dan Sabah 1</p> <p>H3e Memburukkan nama Malaysia di Negara Afro-Asia 1</p> <p>H3f Memburukkan nama Malaysia di Negara Dunia Ketiga. 1</p> <p><b>Reaksi Filipina</b></p> <p>F4 Pengumuman rasmi menuntut hak ke atas Sabah 1</p> <p>H4a Mendakwa Sabah sebahagian daripada Kesultanan Sulu 1</p> <p>H4b Mengemukakan perjanjian antara Sultan Sulu/Sultan Jamalul Alam dengan Baron Von Overbeck. 1</p> <p>H4c Perjanjian dijadikan sebagai asas tuntutan. 1</p> <p style="text-align: right;">Maksimum</p>	<p style="text-align: right;">[8 m]</p>

8(c)	<p><b>Bagaimanakah generasi muda kini dapat mempertahankan kedaulatan Malaysia .</b></p> <p>F1 Setia akan pemimpin /Yang Dipertuan Agong  F2 Menghayati sejarah perjuangan para pejuang negara  F3 Menjayakan setiap kempen penyatuan/integrasi kaum  F4 Bersatu-padu  F5 Patuh akan undang-undang/peraturan  F6 Menghormati lambang/symbol Negara  F7 Patuh akan perlembagaan negara</p> <p>(mana-mana munasabah)</p> <p style="text-align: right;">Maksimum</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1</p> <p>[4 m]</p>
------	---	---

No.	Huraian	Markah
9 a)	<b>Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Pertama</b>	
F1	Politik	1
F2	Ekonomi	
H1a	Kemunculan semangat nasionalisme	1
H1b	Sistem pakatan negara-negara Eropah	1
H1c	iaitu, Perikatan Kuasa Tengah/ <i>Triple Alliance</i>	1
H1d	dan Pakatan Bertiga/ <i>Tripplle Entete</i>	1
F3	Persaingan kuasa-kuasa besar merebut peluang ekonomi	1
F4	Negara-negara kecil Eropah telah bersatu	1
H4a	membentuk sebuah negara bangsa yang lebih besar	1
H4b	Seperti kemunculan negara Itali/ Jerman	1
F5	Kedua-dua menyertai kuasa kuasa besar Eropah	1
H5a	Kuasa besar seperti Itali, Jerman, Perancis, austria-Hungary dan Rusia	1
H5b	Mendapatkan tanah jajahan	1
H5c	Sanggup/ ingin berperang	1
H5d	Membuktikan kekuatan masing-masing	1
F6	Persaingan sengit dalam kalangan kuasa Eropah	1
F6	Akibat imperialisme baru	1
H6a	Persaingan membentuk lingkungan pengaruh masing-masing	1
H6b	Mendapatkan bahan mentah	1
H6c	Persaingan untuk memasarkan barangan siap	1
F7	Persaingan kedua-dua pakatan/ Perikatan Kuasa Tengah & Pakatan Bertiga	1
F8	Pembunuhan Archduke Franz Ferdinand pewaris takhta Austria-Hungary / dan isterinya	1
H8a	Oleh seorang pengganas Serbia pada 28 Jun 1914.	1
	[8 X 1 m]	[8 m]

No.	Huraian	Markah
9 b) (ms 231)	<b>Bincangkan kesan-kesan Perang Dunia Pertama.</b>	
	F1 Kesan politik	1
	H1a Menamatkan pemerintahan beraja di Eropah	1
	H1b Persidangan Damai pada Jun 1919	1
	H1c Pemeteraian Perjanjian Versailles	1
	H1d Mengubah peta Eropah	1
	H1e Membentuk beberapa buah negara baru	1
	F2 Pembentukan Liga Bangsa pada tahun 1919	1
	H2a Matlamat adalah menggalakkan keamanan	1
	H2b Dan kerjasama antarabangsa	1
	H2c Disamping menjamin keselamatan bersama	1
	H2d Liga gagal menjamin kesejahteraan dunia	1
	F3 Kesan ekonomi	1
	H3a Negara-negara berperang mengalami inflasi	1
	H3b Hutang peperangan yang tinggi	1
	H3c Perbelanjaan peperangan terlalu besar	1
	H3d Pakatan Bertiga membelanjakan US\$125 billion	1
	H3e Perikatan Kuasa Tengah membelanjakan US\$60 bilion	1
	H3f Masalah inflasi	1
	H3g Pengangguran	1
	F4 Pasaran dunia diambil alih oleh Amerika Syarikat	1
	H4a Dan Jepun	1
	H4b Kesan ini dirasakan oleh negara-negara Eropah / terutama Britian	1
	H4c Britian kehilangan satu per tiga daripada perdagangan luarnya	1
	F5 Kesan sosial	1
	H5a Kehilangan nyawa begitu ramai	1
	[8 X 1 m]	[8 m]



No.	Huraian	Markah
9 c)	<p><b>Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah keburukan peperangan kepada peradaban negara dunia?</b></p> <p>F1    Kehancuran perpaduan manusia</p> <p>F2    Kemusnahan/ kehilangan warisan bangsa</p> <p>F3    Kehilangan nyawa</p> <p>F4    Keruntuhan ekonomi</p> <p>F5    Kemunculan kuasa besar/ besar</p> <p>F6    Kehilangan nilai-nilai kemanusiaan</p> <p>F7    Kehancuran negara bangsa</p> <p>F8    Kehilangan hak asasi manusia</p> <p>[mana-mana jawapan munasabah]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6 m]</p>
	[6 X 1 m]	[6 m]

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**ERRATA – PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH KERTAS 1 (1249/1)**  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM SBP 2011**

<b>NO.SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>	<b>M.S BUKU TEKS</b>
<b>2</b>	<b>C</b>	<b>3</b>
<b>8</b>	<b>B</b>	<b>113</b>
<b>32</b>	<b>A</b>	<b>150</b>